



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS SEBUT HARGA

SEBUTHARGA NO : KDN/PB/SB/003/2023

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** di **SABAH** sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah :-

NAMA PROJEK	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	NO. SEBUT HARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK
PEMBINAAN PONDOK POLIS KAMPUNG PIMPING, MEMBAKUT, SABAH (KERJA TANAH)	Berdaftar dengan CIDB (syarat wajib) Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 & CE36 dan Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor Dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Yang Masih Sah atau Sijil Pendaftaran PUKONSA Kelas : D Kepala : I Sub Kepala : 7(b) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)	KDN/PB/SB/003/2023	27 September 2023 (Rabu) 10.00 Pagi Berkumpul di : Dewan Seri Wawasan Kg Pimping, Kampung Pimping, 89728 Membakut, Sabah

2. Lawatan tapak dan sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Bagi memastikan maklumat projek ini adalah jelas, satu sesi lawatan tapak akan diadakan pada **27 September 2023 (Rabu) jam 10.00 pagi**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Pendaftaran PUKONSA dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang **Asal** dan **Salinan** semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK atau PUKONSA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat berkenaan. Kontraktor tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK atau PUKONSA.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **27 September 2023 (Rabu)** (selepas sesi lawatan dan taklimat tapak) sehingga **4 Oktober 2023 (Rabu)** pada waktu pejabat (9.00 Pagi hingga 4.30 Petang) di **JABATAN LOGISTIK DAN TEKNOLOGI, ARAS 2, IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN SABAH, JALAN PAHLAWAN, 88560, KOTA KINABALU SABAH (Tel : 088-454488 – ASP Mohd Helmy Bin Hussian)**. Harga Dokumen Sebutharga adalah Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja (RM10.00) (Tidak akan Dikembalikan). Bayaran atas Nama **Akauntan Negara Malaysia** Dalam Bentuk Draf Bank atau Kiriman Wang Sahaja (Bayaran Dalam Bentuk Tunai atau Wang Pos Tidak Diterima).


MOHD NORZAM BIN MUSTAPA
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Kementerian Dalam Negeri
Malaysia

4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada Kontraktor-kontraktor yang memiliki pendaftaran yang masih sah semasa mengambil dokumen sebut harga. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PUKONSA dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang **Asal** beserta satu **Salinan** sijil-sijil tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **JABATAN LOGISTIK DAN TEKNOLOGI, ARAS 2, IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN SABAH, JALAN PAHLAWAN, 88560, KOTA KINABALU SABAH** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada 5 Oktober 2023 (Khamis)**.

Nama Penandatangan
Jawatan
Tarikh


Tandatangan
MOHD NORZAM BIN MUSTAPA
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Kementerian Dalam Negeri
Malaysia
19 Sept. 2023